

0088

R 8895 DEB
SEMARAK

KAMPUNG GAJAH, 25 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MENAMAKAN SEBUAH PULAU DI SUNGAI PERAK SEBAGAI +PULAU SERI SEMARAK+ SEMENA PELANCARAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEMARAK) PERINGKAT NEGERI PERAK BULAN DEPAN.

MAJLIS PELANCARAN GERAKAN SEMARAK PERINGKAT NEGERI AKAN BERLANGSUNG DI PASIR SALAK DEKAT SINI PADA 15 APRIL INI, KATA Pengerusi Jawatankuasa Semarak Peringkat Negeri Encik Junus Wahid hari ini.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA ITU DI PEJABAT DAERAH DI SINI, BAHAWA LEBIH 20,000 RAKYAT DARI SELURUH NEGERI DIJANGKA MENGHADIRI MAJLIS PELANCARAN ITU.

PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH AKAN DIBERI SAMBUTAN TRADISIONAL CARA PERAK IAITU DIARAK DENGAN PALUAN REBANA DAN DIIRINGI PEMBAWA SIRIH JUNJUNG SETIBANYA DENGAN HELIKOPTER DI SEKOLAH KEBANGSAAN DATUK SAGOR.

DARI SITU BELIAU AKAN DIARAK KE BUKIT TUNGGAL BAGI MELANCARKAN GOTONG ROYONG OLEH 660 PESERTA DARI 23 KAWASAN PARLIMEN DI NEGERI INI. -- LAGI.

2127MST 25 03 88

0089

R 8896 DEB
SEMARAK 2 KAMPUNG GAJAH

ENCIK JUNUS YANG JUGA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI BERKATA PERDANA MENTERI AKAN DIBAWA MENAIKI SAMPAN BERHIAS DAN MENYAKSIKAN PERTANDINGAN PERAHU PANJANG DI SUNGAI PERAK.

KEMUDIAN PERDANA MENTERI AKAN BERSEMBAHYANG JUMAAT BERSAMA RAKYAT DI MASJID PASIR SALAK.

DATUK SERI DAJIN PADUKA DR SITI HASMAH PULA MEMPUNYAI ACARA BERASINGAN IAITU BERCERAMAH KEPADA KAUM IBU MENGENAI KESIHATAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN RENDAH, TOK PELITA KAMPUNG PASIR SALAK.

UPACARA PENUTUP GERAKAN SEMARAK ITU AKAN DILAKUKAN OLEH MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB PADA 16 APRIL PUKUL 9 PAGI. -- BERNAMA.

2128MST 25 03 88